

18/07/2000

`Bantu IKS jual barang di Internet'

Misiah Taib; Azli Ayob

KUCHING, Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, satu gerbang akan diwujudkan bagi membantu memasarkan barangan dan perkhidmatan syarikat kecil dan sederhana (IKS) ke pasaran antarabangsa menerusi Internet.

Perdana Menteri berkata, ia sudah dipersetujui dalam mesyuarat Majlis Teknologi Maklumat Negara (NITC) kerana syarikat IKS tidak mempunyai kepakaran dan kewangan untuk berbuat demikian.

"Bagi syarikat besar mungkin mereka mempunyai kemampuan untuk memasarkan barangan dan perkhidmatan melalui Internet... tetapi bagi syarikat kecil dan sederhana, kepakaran mereka mungkin terhad atau tidak ada langsung dan juga modal yang diperlukan tidak ada pada mereka," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat NITC ke-10, di Hotel Hilton, di sini hari ini.

Mesyuarat itu dihadiri Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, semua menteri besar dan ketua menteri kecuali dari Kelantan dan Terengganu. Turut hadir ialah Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Abdul Halim Ali.

Dr Mahathir berkata, dengan itu ada baiknya jika IKS memperkenalkan produk dan khidmat mereka melalui satu gerbang dan supaya segala yang diperlukan ditentukan oleh mereka yang menguruskan gerbang berkenaan.

Ia juga bagi mengelakkan terlalu banyak syarikat yang menubuhkan gerbang sendiri dan keadaan ini akan memungkinkan terlalu banyak gerbang bagi negara ini dan gerbang ini tidak dapat diuruskan dengan cara baik.

"Syarikat kita akan jatuh kerana halaman e-dagang tidak diuruskan dengan baik," katanya.

Dr Mahathir juga menjelaskan kerajaan tidak berupaya untuk mengawasi segala kegiatan yang berhubung dengan e-dagang dalam Internet dan tidak akan mengadakan sekatan untuk mengiklankan barangan dan perkhidmatan.

"Kita juga bimbang kalau kita cuba adakan sekatan, mereka akan berurusan dengan luar negara," katanya.

Oleh itu, kerajaan berharap mereka yang berniaga menerusi laman web mengamalkan budaya dan etika yang baik supaya negara tidak akan mendapat reputasi buruk.

Perdana Menteri berkata, kerajaan juga akan memasukkan beberapa dasar berhubung pembangunan teknologi maklumat (IT) dalam Rancangan Malaysia Kelapan (RM-8) bagi memastikan negara tidak ketinggalan dalam era digital dan maklumat.

Katanya, Malaysia sudah terlewat untuk memasukkan prinsip IT ke dalam RM-7, kerana itu RM-8 dipilih.

Ini, katanya, bagi mengelak berlaku jurang digital yang terlalu ketara dalam negara dan juga antara negara ini dengan negara lain.

"Usaha kerajaan ke arah itu menyeluruh, termasuklah penekanan kerajaan mengenai kepentingan mengembangkan pendidikan dan penggunaan IT ataupun kerajaan elektronik (e-kerajaan) pada peringkat kerajaan atau sektor swasta," katanya.

(END)